

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN ZAKAT PADA ZAMAN AWAL ISLAM

DR. Anwar

Universitas Malikussaleh–Aceh

anwar_muhammadali@yahoo.co.id

I. Pendahuluan

Perbincangan undang-undang pentadbiran zakat pada zaman awal Islam dalam kajian ini merangkumi definisi zakat, pentadbiran, undang-undang dan undang-undang pentadbiran zakat. Kemudian turut pula dibincangkan undang-undang pentadbiran zakat pada zaman Rasūlullāh s.a.w., Zaman Makkah dan Madinah juga undang-undang pentadbiran zakat pada zaman *Khulāfa' al-Rāsyidīn*. Hal ini sangat penting untuk diketahui supaya kita di era moden seperti sekarang ini dapat membuat undang-undang pentadbiran zakat yang sesuai dengan petunjuk Rasulullah, sehingga para muzakki semakin sedar untuk membayar zakat dan tentunya jumlah pengumpulan zakat setiap tahun semakin meningkat sebagaimana harapan kita umat Islam. Jadi rumusan masalah dalam kajian ini adalah bagaimana sistem pengelolaan zakat berdasarkan undang-undang pentadbiran zakat pada zaman Rasulullah s.a.w. dan Khulafaurraşyidin.

Penulisan kajian ini diadakan penyelidikan kepustakaan (Library Research). penulis mengadakan penelitian dengan membaca buku-buku, jurnal, majalah, artikel, serta karya-karya ilmiah yang berhubungan dengan penulisan ini. Penyelidikan ilmiah ini adalah merupakan satu kajian yang berbentuk kualitatif karena berkaitan dengan ilmu Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Ḥadīth. Proses kajian ini adalah melibatkan fasa-fasa penyelidikan seperti: Metode pengumpulan data dan Metode penafsiran dan penulisan

II. Pembahasan

2.1. Definisi Terminologi

Perbincangan tentang perkara ini boleh dibahagikan kepada empat iaitu zakat, pentadbiran, undang-undang dan undang-undang pentadbiran zakat.

2.1.1. Zakat

Ditinjau daripada segi bahasa,¹ kata zakat mempunyai beberapa erti, iaitu *al-barakātu* (keberkahan), *al-namā'* (pertumbuhan dan perkembangan), *aṭ-ṭahāratu* (kesucian) dan *aş-şalāḥu* (kebaikan).² Sedangkan secara istilah, meskipun para ulama mengemukakannya dengan bentuk yang berbeza antara satu dan lainnya, akan tetapi pada prinsipnya membawa maksud yang sama, iaitu zakat itu adalah bahagian dari harta dengan persyaratan tertentu, yang Allāh s.w.t. mewajibkan kepada pemiliknya, untuk diserahkan kepada yang berhak menerima, dengan persyaratan tertentu pula.³

¹ Majma Lughah al-'Arabiyyah (1972). *al-Mu'jam al-Wasīf*. Misr: Dār al-Ma'ārif. juz 1 h. 396.

² Istilah-istilah ini merupakan antitesa daripada "Riba", iaitu suatu sistem ekonomi yang identik dengan *capitalis* dan *feodalis*. Seperti tersurat dalam QS. al-Baqarah 286 dan al-Rūm 38-39. Kedua ayat ini menjelaskan keutamaan zakat dan mencela Riba. Baca Muḥammad Abdul Mun'im Khafajy (1990), *al-Iqtisād al-Islāmī*, Bayrut: Dār al-Jily, h. 125-129. Lihat juga Monzer Kahf (1999), *The Principle of Socioeconomic Justice in The Contemporary Fiqh of Zakah*. *Iqtisād Journal of Islamic Studies*, Vol.1, No.1, h. 24-44

³ Wahbah al-Zuhaylī (1989), *al-Fiqh al-Islāmī Wa adillatuhū*, Juzu' 2, Bayrut: Dār al-Fikr, h. 750. Majma Lughah al-'Arabiyyah (1972), *op.cit.*, h. 396. Al-Sarḥaini al-Khatib (1958). *Mughnī al-Muhtāj*. Qahirah: Al-Halābīyah. h. 268. Al-Syawḥani (t.t). *Fath al-Qādir*. Bayrut: 'Alam al-Kutūb. h. 170. Yūsuf Qaraḍawī (1985). *Fiqh al-Zakāh*. Bayrut: Muassasah

Syara' memakai maksud yang tersebut kerana dengan mengeluarkan zakat akan dapat mendatangkan keberkatan dan kesuburan kepada harta dan menambah pahala. Justeru, harta yang dikeluarkan tersebut disebut zakat,⁴ kerana menjadi sebab kesuburan pada harta. Zakat juga menjadikan jiwa *muzakkī* suci dari bakhil dan dosa. Jika seseorang telah memiliki kesucian jiwa dari sifat kikir dan dosa, maka dia akan selalu berbuat kebaikan kepada orang lain dan dia tidak akan diperhamba oleh harta.

Jadi, hubungan antara pengertian zakat mengikut bahasa dan pengertian mengikut istilah, sangat nyata dan rapat sekali, iaitu bahawa harta yang dikeluarkan zakatnya akan menjadi berkat, tumbuh, berkembang dan bertambah, suci dan baik, sebagaimana dinyatakan Allāh s.w.t. dalam al-Quran. Ibnu Ṭaymiah berkata,⁵ jiwa orang yang berzakat itu menjadi bersih dan kekayaannya akan bersih pula, bersih dan bertambah maknanya. Kemudian erti tumbuh dan suci tidak dipakaikan hanya kepada kekayaan sahaja, tetapi lebih daripada itu, juga dipakai kepada jiwa orang yang menzakatkannya, sebagaimana dituntut oleh Allāh s.w.t.⁶

Zakat adalah ibadah *māliyah ijtimā'iyah* yang memiliki posisi yang penting, strategik dan menentukan, baik dari sisi ajaran mahupun daripada sisi pembangunan kesejahteraan umat.⁷ Sebagai satu ibadah asas, zakat termasuk salah satu rukun Islam, sehingga keberadaannya dianggap *ma'lūm minad-dīn biḍ-ḍarūrah* (diketahui secara automatik adanya) dan merupakan bahagian mutlak dari ke-Islaman seseorang.⁸ Bahkan dalam al-Quran juga terdapat ayat-ayat yang mensejajarkan solat dan kewajipan zakat.⁹

Terdapat *nāṣ* al-Quran yang membincangkan tentang zakat dalam istilah berbeza.¹⁰ Disebutkan secara *ma'rifah* (bermakna zakat harta) sebanyak 30 kali. 8 kali diantaranya terdapat dalam surat *Makkiyyah*, dan selainnya terdapat dalam surat-surat *Madaniyyah*. Kemudian sebanyak 28 ayat¹¹ dihubungkan bergandingan dengan kewajipan menunaikan solat.¹² Keadaan ini menegaskan kedudukan zakat yang cukup tinggi dan penting dalam syari'at Islam. Kerana zakat di antaranya dapat mempererat hubungan *mustahiq* dan *muzakkī*, meningkatkan *Ukhuwah Islamiyyah* dan mengurangkan kemiskinan.

Selanjutnya al-Quran juga menyatakan bahawa kesediaan berzakat dipandang sebagai indikator utama ketundukan seseorang terhadap ajaran Islam,¹³ ciri utama mukmin yang akan mendapatkan kebahagiaan hidup,¹⁴ ciri utama mukmin yang akan mendapat rahmat dan

Risālah. h. 37-38. Sayyid Sabiq (1968). *Fiqh al-Sunnah*. Kuwait: Dār al-Bayān. jilid 3, h. 40. Baca juga Hasbi As-Ṣiddiqy (2006), *Pedoman Zakat*, Cet. 11, Ed. 2, Semarang: PT. Pustaka Rizki Putra, h. 3-5. Selanjutnya Zakiah Daradjat dkk (1995), *Ilmu Fiqh*, Jilid 1, Yogyakarta: Dharma Bakti wakaf, h. 213.

⁴ Hasbi As-Ṣiddiqy (2006), *op.cit.*, h. 8.

⁵ Ibnu Ṭaymiah (2005), *Majmū' Fatāwa Ibnu Taimiah*, juzu' 25, Mīsr: Dār al-Wafa', h. 8.

⁶ QS. al-Tawbah:103.

⁷ Yūsuf Qaraḍawī (1993). *Al-'Ibādah Fī al-Islām*. Bayrut: Muassasah Risālah. h. 235.

⁸ Ali Yafie (1994). *Menggagas Fiqh Sosial*. Bandung: Mizan, h. 231.

⁹ QS. al-Nur : 56, QS. al-Tawbah : 11, QS. al-Baqarah : 43. Lebih lanjut baca juga Yūsuf Qaraḍawī (1985). *op.cit.*. Bayrut: Muassasah Risālah. h. 42. John B. Taylor (1964), *The Quranic Doctrine of Zakat* (M.A thesis), Montreal: Mc. Gill University, h. 135.

¹⁰ Paling tidak ada lima nama bagi istilah zakat iaitu: *Pertama*, Zakat sendiri (Lihat QS. al-Baqarah: 110), *Kedua*, Sedekah (QS. al-Taubah: 60 dan 103), *Ketiga*, Nafaqah (QS. al-Tawbah 34), *Keempat*, Haq (QS. al-An'ām 14), *Kelima*, 'Afuw (QS. al-'Arāf 199), Lihat Hasbi As-Ṣiddiqy (2006), *op.cit.*, h. 6-7.

¹¹ Diantaranya seperti yang terdapat di dalam al-Quran Surat al-Nur 56, al-Baqarah 43.

¹² Sayyid Sabiq (1968). *op.cit.*, h. 5. Lihat juga Yūsuf Qaraḍawī (1985). *op.cit.*, h. 44. Hasbi As-Ṣiddiqy (2006), *op.cit.*, h. 4-5.

¹³ QS. al-Tawbah: 5 dan QS. al-Tawbah: 11

¹⁴ QS. al-Mu'minūn: 4

pertolongan Allāh s.w.t.¹⁵ Kesediaan berzakat dipandang pula sebagai orang yang selalu berkeinginan untuk membersihkan diri dan jiwanya dari pelbagai sifat buruk seperti bakhil, lebih mementingkan diri sendiri, loba, dan tamak, sekaligus berkeinginan untuk selalu membersihkan, mensucikan dan mengembangkan harta yang dimilikinya.¹⁶

2.1.2. Pentadbiran

Dalam sesebuah organisasi termasuk organisasi zakat, pentadbiran atau pengurusan adalah tersangat penting. Griffiths¹⁷ menyatakan, pentadbiran adalah satu corak tingkahlaku yang didapati dalam semua organisasi manusia. Ia adalah proses yang mengatur dan mengawal sesuatu organisasi itu. Selanjutnya, Drucker¹⁸ menyatakan pentadbiran itu ialah sumber asas dan sumber yang paling berharga. Ia pula menjelaskan proses pentadbiran sebagai satu cara anggota-anggota sebuah organisasi membuat keputusan dan mengambil tindakan untuk mencapai matlamat. Dalam konteks pentadbiran, pentadbiran yang baik amat dihargai oleh sesuatu masyarakat.

Selanjutnya, menurut Hussein¹⁹ pula bahawa istilah pentadbiran merujuk kepada satu set kegiatan yang direka bentuk untuk meninggikan dan mengarahkan kerja-kerja atau tugas yang ditentukan. Jadi, bagi setengah-setengah keadaan, setiap orang itu adalah pentadbir sekalipun hanya dengan bertindak ke atas diri dan urusan peribadi. Apabila seseorang atau sekumpulan orang itu berkumpul bersama-sama dalam satu hubungan yang formal, seperti sebuah organisasi, maka pentadbiran menjadi satu bidang aktiviti yang utama. Manakala konsep mengurus lebih bermaksud kepada urusan ke arah mencapai matlamat dan kegunaan sumber yang terdapat dalam organisasi itu, secara berfaedah supaya matlamat organisasi secara maksimum dapat di capai. Berdasarkan kedudukan ini, seorang pengurus merancang, menyusun dan mengatur, mengarah dan mengawal sumber dan aktiviti para kumpulan kerjaya.

Jadi, pentadbiran ialah satu proses yang memusatkan kepada identifikasi, penyelenggaraan, pengawalan dan penyertaan penggunaan sumber-sumber, sama ada berupa tenaga manusia mahupun bahan dalam satu sistem yang bersepadu dibentuk untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Sedangkan pengurusan ditakrifkan sebagai proses untuk mendapatkan modal atau menggembeng segala input di dalam sesebuah organisasi dengan cara paling optimum untuk mencapai objektif organisasi.²⁰ Ini disokong oleh George and Jones, yang mengatakan pengurusan ialah perancangan, pengorganisasian, pengarahan dan pengamalan modal insan dan sumber-sumber modal yang lain untuk mencapai matlamat organisasi secara cekap dan berkesan.²¹

Jadi, pengurusan organisasi merujuk kepada proses merancang, mengorganisasi memimpin dan memantau segala aktiviti anggota-anggota dalam sesebuah organisasi dengan menggunakan

¹⁵ QS. al-Tawbah: 73 dan QS. al-Hajj: 40-41

¹⁶ QS. al-Tawbah: 103 dan QS. al-Rūm: 39. Baca Al-Qurtubi (1993), *al-Jāmi' li Ahkām al-Quran*, Bayrut: Dār al-Kutūb al-'Ilmiyyah, h.156.

¹⁷ Griffiths, D.E. (1959), *Administrative Theory*, New York: Appleton-Century-Crofts, h.39

¹⁸ Peter. F. Drucker (1954), *The Practice of Management*, New York: Harper and Row, h. 54.

¹⁹ Hussein b. Hj. Ahmad, (1993), *Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 25.

²⁰ Fadilah Mansor (2006), "Kualiti Kerja dalam Organisasi: Tinjauan dari Perspektif Pengurusan Islam" dalam Ab. Mumin Ab. Gani dan Fadilah Mansor (Eds), *Dimensi Pengurusan Islam, Mengurus Kerja dan Mengurus Modal Insan*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 25.

²¹ Jennifer M. George and Gareth R. Jones (2006), *Contemporary Management, Creating Value in Organizations. 4th ed.*, h. 5.

segala sumber organisasi yang ada bagi mencapai objektif organisasi yang ditetapkan. Organisasi yang tersusun biasanya dicapai apabila organisasi tersebut bijak dalam mengurus struktur organisasinya supaya selaras dan selari dengan fungsi-fungsi pengurusan yang sesuai dalam membangunkan sumber dan asset organisasi ke arah produk dan perkhidmatan yang berkualiti.

Selanjutnya Ab. Mumin Ab. Gani menyatakan, pengurusan dan pentadbiran dalam Islam ialah penyempurnaan amanah yang diterima manusia dari Allah s.w.t. sebagai hamba dan khalifah-Nya di bumi, untuk mengerjakan amal salih secara syura dalam organisasi. Tujuan pengurusan dan pentadbiran ialah untuk membina peradaban yang diredai Allah s.w.t. yang berlandaskan ajaran tawhid, dengan itu pengurusan dan pentadbiran bertanggungjawab menghapuskan *al-fasād* untuk menegakkan keadilan dalam organisasi dan juga dalam masyarakat.²²

Goldhaber²³ serta Rasberry dan Lindsay²⁴ memperlihatkan hubungkait antara pentadbiran dan pengurusan. Pengurusan menumpukan perhatian kepada pencapaian matlamat organisasi, manakala pentadbiran menitikberatkan bukan sahaja pencapaian matlamat, tetapi juga pertalian antara matlamat-matlamat supaya organisasi lebih bersepadu ke arah pengeluaran hasil yang lebih baik. Yang demikian kita lihat pentadbiran itu lebih luas daripada pengurusan.

2.1.3. Undang-Undang

Undang-undang dibezakan menjadi dua, iaitu undang-undang dalam erti material dan undang-undang dalam erti formil.²⁵ Yang dinamakan undang-undang dalam erti material merupakan keputusan atau ketetapan penguasa yang dilihat dari isinya disebut undang-undang dan mengikat setiap orang secara umum. Undang-undang dalam erti formil ialah keputusan penguasa yang disebut dengan undang-undang dilihat daripada cara pembentukannya.²⁶

Undang-undang bersifat umum kerana mengikat setiap orang dan merupakan produk lembaga perundangan. Pada umumnya undang-undang mengandungi daripada dua bahagian, iaitu konsederans atau pertimbangan yang mengandungi pertimbangan-pertimbangan mengapa undang-undang itu dibuat, dan diktum atau amar. Di dalam amar terdapat isi dari undang-undang iaitu yang di sebut pasal-pasal.

Selain dua bahagian tersebut ada bahagian lain yang juga penting kewujudannya, iaitu ketentuan peralihan. Ketentuan peralihan mempunyai fungsi penting, iaitu untuk mengisi kekosongan hukum (*rechtsvacuum*) kerana ada kemungkinan suatu undang-undang baru tidak menetapkan semua hal atau peristiwa yang ditetapkan oleh undang-undang yang lama. Kalau berlaku sebarang peristiwa yang ditetapkan dalam undang-undang yang lama tetapi tidak ditetapkan dalam undang-undang yang baru maka disinilah peranan peruntukan peralihan. Biasanya bunyi dari peruntukan peralihan iaitu: "*apabila tidak ada ketentuannya, maka berlakukan peraturan yang lama*". Undang-undang adalah hukum. Hal ini kerana undang-undang mengandungi kaedah hukum yang bertujuan untuk melindungi kepentingan manusia.²⁷

²² Ab. Mumin Ab. Gani (2007), "Sistem Pengurusan Islam: Tinjauan Menyeluruh dari Aspek Konsep" dalam Ab. Mumin Ab. Gani dan Fadilah Mansor (Eds), *Dimensi Pengurusan Islam, Mengurus Kerja dan Mengurus Modal Insan*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 7.

²³ Goldhaber, G. M. (1991), *Communication in Organization 3th ed.*, Iowa: Wm.C. Brown Company Publishers, h. 30.

²⁴ Rasberry, R.W. and Lindsay, L.L. (1994), *Effective Managerial Communication 2th ed.*, California: Wadsworth Publishing co, h. 55.

²⁵ L.J. van Apeldoorn (1978), *Pengantar Ilmu Hukum*, Jakarta: Pradnya Paramita, h. 92.

²⁶ *Ibid.*

²⁷ Sudikno Mertokusumo (1999), *Mengenal Hukum: Suatu Pengantar*, Yogyakarta: Liberty, h. 80.

Jadi, undang-undang juga dapat diertikan sebagai “satu set peraturan yang berkaitan dengan perbuatan atau tingkah laku, yang diperakui oleh sesuatu negara atau masyarakat, terpakai dan mengikat semua ahli”.²⁸

2.1.4. Undang-Undang Pentadbiran Zakat

Berdasarkan undang-undang nombor 38 tahun 1999 tentang pentadbiran zakat bahawa yang dimaksudkan pentadbiran zakat ialah kegiatan perancangan, pengorganisasian, pelaksanaan dan pengawasan terhadap pengumpulan dan pengagihan serta memperkasakan zakat.²⁹

Jadi berdasarkan definisi di atas, bahawa yang dimaksudkan dengan undang-undang pentadbiran zakat ialah satu set peraturan yang berkaitan dengan perbuatan atau perilaku, yang diperakui oleh sesuatu negara atau masyarakat, terpakai dan mengikat semua ahli dalam kegiatan perancangan, pengorganisasian, pelaksanaan dan pengawasan terhadap pengumpulan dan pengagihan serta memperkasakan zakat.

Undang-undang ini bertujuan untuk mewujudkan komiti zakat, untuk mentadbir dan menjaga urusan berkaitan zakat.³⁰ Ia juga menyediakan peruntukan yang boleh mendakwa mana-mana pihak yang enggan membayar zakat kepada institusi zakat. Dalam konteks Negeri Kedah seperti, Peraturan Zakat Kedah 1982 telah menetapkan denda tidak kurang daripada RM 600 atau penjara tidak lebih daripada 6 bulan bagi kesalahan-kesalahan seperti sengaja memalsukan fakta zakat, enggan membayar zakat, membayar zakat kepada pihak luar yang bukan dilantik oleh pemerintah, menghasut orang lain supaya tidak membayar zakat dan memindah milik harta dengan tujuan mengelak daripada zakat. Undang-undang ini dengan jelas memperuntukan kuasa penuh kepada institusi zakat bagi menghukum masyarakat yang enggan membayar zakat kepada pemerintah.³¹

2.2. Undang-Undang Pentadbiran Zakat Pada Zaman Rasūlullāh s.a.w.

Dalam bahagian ini, perbincangan akan difokuskan kepada: Zaman Makkah dan Zaman Madinah. Selanjutnya juga dibincangkan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan pentadbiran zakat.

2.2.1 Zaman Makkah

Ditinjau dari segi sejarah, kewajipan berzakat sudah disyari’atkan Allāh s.w.t. kepada para Nabi dan Rasul, sepertimana yang telah dilaksanakan oleh Nabi Ibrahim,³² Nabi Ismail,³³ Nabi Musa³⁴ dan Nabi Isa.³⁵ Demikian juga terhadap Ahli Kitab pada ‘amnya kewajipan zakat telah diterapkan bersamaan dengan kewajipan solat sebagaimana disebutkan al-Quran.³⁶ Namun demikian pengamalan zakat

²⁸ Amir Syarifuddin (1990), *Pembaharuan Pemikiran dalam Hukum Islam*, Padang: Angkasa Raya, h.17.

²⁹ Lihat Pasal 1 Bab I undang-undang Republik Indonesia nombor 38 Tahun 1999 tentang pentadbiran zakat. Lihat juga Pasal 1 ayat 23 Bab I Qanun Nombor 10 Tahun 2007 Tentang Baitulmal.

³⁰ Lihat Enakmen Zakat Nombor 4 tahun 1374 (1955).

³¹ Ram Al Jaffri Saad, Kamil Md. Idris, Zainol Bidin (2009), *Peraturan Pembayaran Zakat kepada Institusi Zakat: Sikap Peniaga dan Kesannya Terhadap Gelagat Pembayaran Zakat Perniagaan*, Jurnal Syariah, Jil. 17, Bil. 3, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 607-630.

³² QS. al-Ambiyā’:73

³³ QS. Maryam: 55

³⁴ QS. al-Baqarah: 83

³⁵ QS. Maryam: 31

³⁶ QS. al-Bayyinah: 5

pada agama-agama sebelum Islam tersebut belum merupakan suatu kewajiban mutlak, tetapi hanya bersifat sukarela berdasarkan belas kasihan (*charity*) dan tolong menolong dalam kelompok sosial bagi menolong orang-orang miskin. Setelah kedatangan Syari'at Islam hukum zakat mula ditetapkan menjadi suatu kewajiban yang mutlak dan sebagai salah satu daripada rukun Islam. Namun, perintah ini dikuatkuasa secara beransur-ansur di mana perintah zakat telah diperkenal oleh Allah s.w.t. ketika Nabi Muḥammad s.a.w. masih di kota Makkah, sebelum Baginda berhijrah ke kota Madinah. Perintah zakat semasa Zaman Makkah masih bersifat sukarela dan menjadi antara perkara yang sangat digalakkan. Keringanan perintah zakat selama Zaman Makkah dilihat berdasarkan tiadanya ketetapan *niṣāb*, *ḥawl*, dan *'āmil* yang bertanggungjawab khusus mengenainya. Keadaan pada masa ini memperlihatkan bahawa perintah zakat masih bersifat anjuran untuk berbuat kebajikan kepada orang-orang fakir-miskin dan orang yang memerlukan bantuan sahaja.³⁷

Perhatian Islam yang besar terhadap masalah kemiskinan dapat dilihat dari kenyataan bahawa semenjak di kota Makkah, Islam sudah memperhatikan masalah sosial iaitu membantu orang-orang miskin dalam mengurangkan kesukaran hidup yang dialami mereka. Oleh kerana itu, *nāṣ* al-Quran pada ketika ini banyak memuat ayat-ayat berhubung galakan bersedekah seperti dengan frasa “memberi makan dan mengajak memberi makan orang miskin”³⁸ atau dengan “mengeluarkan sebahagian rezeki yang diberikan Allah”,³⁹ “memberikan hak orang yang memintameminta dan miskin dan terlantar dalam perjalanan”,⁴⁰ Lafaz mengenai zakat sendiri juga sudah digunakan dalam ayat-ayat *Makkiyyah*,⁴¹ iaitu dengan frasa “membayar zakat”.⁴² Pada Zaman Makkah ini, Islam telah menanamkan kesedaran dalam dada orang-orang Islam untuk bantu dan tolong-menolong sesama manusia, khususnya yang kaya membantu yang miskin. Namun sebagaimana telah dijelaskan sebelum ini, ayat-ayat zakat, sedekah dan *infaq* yang turun di Makkah baru berupa anjuran dan penyampaiannya menggunakan metodologi pujian bagi yang melaksanakannya dan teguran bagi yang meninggalkannya.

Hal ini kerana orang-orang yang masuk Islam pada masa itu masih sedikit, dan ajaran Islam bagi mereka adalah merupakan sesuatu yang baru. Tidak mudah untuk meninggalkan kebiasaan yang sudah bertahun-tahun lamanya. Sehingga ramai di antara mereka yang belum memeluk Islam. Islam pun disyariatkan oleh Allāh s.w.t. secara beransur-ansur, supaya tidak terlalu berat bagi mereka dan juga supaya dapat mengukuhkan hati mereka.

2.2.2 Zaman Madinah

Zakat merupakan ibadah yang sangat unik. Selain mengandungi unsur ibadat (*ta'abbudi*) atau kepatuhan pada perintah Allāh s.w.t., zakat juga memiliki fungsi sosial. Ibadah ini diwajibkan kepada umat Islam pada tahun kedua hijrah.⁴³ Al-San'anī⁴⁴ mengatakan, kebanyakan ulama seperti Ibnu Ḥajar Asqalanī⁴⁵ berpendapat, bahawa zakat harta diwajibkan pada Tahun Kedua Hijrah sesudah diwajibkan puasa Ramaḍān dan zakat fitrah. Berbeza dengan ayat-ayat al-Qur'an yang turun di Makkah, ayat-ayat yang turun di Madinah sudah menjelaskan bahawa zakat itu wajib dalam bentuk perintah yang tegas dan arahan pelaksanaan yang jelas. Di dalam al-Quran surat al-Baqarah

³⁷ K. Ali (1980), *Study of Islamic History*, Delhi: Idarah adabiyat, h. 77. Baca juga Sayyid Sabiq (1968). *op.cit.*, h. 276-277.

³⁸ Lihat QS. *al-Hāqqah*: 30-34

³⁹ Lihat QS. *al-Fajr*: 17-18

⁴⁰ Lihat, QS. *al-dhāriyat*: 19, QS. *al-Ma'ārij*: 19-25.

⁴¹ Lihat QS. *al-Rūm*: 38-39, QS. *al-Namlu*: 1-3, QS. *Luqman*: 4, *al-Mu'minūn*: 4, QS. *al-A'rāf*: 156-157, QS. *Fuṣṣilat*: 6-7.

⁴² Lihat, QS. *al-Baqarah*: 43 dan 277.

⁴³ Sayyid Sabiq (1968). *op.cit.*, h. 5. Lihat juga Hasbi As-Siddiqy (2006), *op.cit.*, h. 3-5.

⁴⁴ Muhammad Ibn Ismail al-Kahlānī al-San'anī (t.t.), *Subul al-Salām*, Juzu' 2, Bandung: Dahlan, h. 120.

⁴⁵ Ibnu Ḥajar Asqalanī (t.t.), *Fatḥu al-Bari Syarḥu Ṣaḥīḥil al-Bukharī*, Juzu' 3, t.tp.: Al-Maktabah al-Salafiyah, h.171.

ayat 110 yang diturunkan pada Tahun Kedua Hijrah misalnya, terdapat pernyataan berikut: *Dan Dirikanlah oleh kamu akan solat dan tunaikanlah zakat* yang ditafsirkan sebagai perintah yang wajib ke atas seluruh umat Islam.⁴⁶

Hal ini kerana umat Islam pada masa itu sudah ramai dan keimanannya pun sudah semakin kuat. Ini dibuktikan di antaranya dengan ayat-ayat yang memanggil mereka dengan “wahai orang-orang yang beriman” sesuai dengan pertambahan umat Islam dan terbinanya Negara Islam. Pada zaman ini, hukum-hukum syariah mula diperkenal dan diwajibkan ke atas umat Islam secara beransur-ansur. Sehingga pada masa mereka menerima perintah seperti kewajipan membayar zakat, mereka tidak lagi merasa berat atas perintah itu. Bahkan mereka merasa sangat senang dan berlumba-lumba untuk mengerjakan perintah Allāh s.w.t. tersebut.

Jadi, dari sisi hukum ajaran zakat merupakan kewajipan yang bersifat pasti. Dari sisi sumber dan ketentuannya, maka telah ditentukan harta apa sahaja yang harus dikeluarkan zakatnya serta jumlah yang harus dikeluarkan.⁴⁷ Demikian pula dengan orang yang mengumpul dan membahagikannya. Ringkasnya ada perubahan-perubahan penting dalam ajaran zakat. Perubahan-perubahan penting dalam ajaran zakat tersebut sangat terkait dengan bertambahnya peranan yang dapat dimainkan oleh Rasūlullāh s.a.w. pasca hijrah ke Madinah. Hijrah ke Madinah telah menjadikan Rasūlullāh s.a.w. tidak lagi semata-mata sebagai pemimpin agama, tetapi juga sebagai pemimpin negara. Dalam erti kata yang lain, Rasūlullāh s.a.w. adalah merupakan seorang Nabi dan pada masa yang sama juga adalah seorang pemerintah (*the prophet and statesman*).⁴⁸ Sebagai pemimpin negara sudah barang tentu ada kewajipan bagi Rasūlullāh s.a.w. untuk mewujudkan kesejahteraan pada rakyat yang dipimpinnya. Untuk memenuhi kewajibannya ini, maka Rasūlullāh s.a.w. mencari cara-cara yang dipandang berkesan yang dapat meningkatkan kesejahteraan rakyat. Untuk mencapai tujuan itulah, maka kemudian Rasūlullāh s.a.w. menetapkan zakat sebagai salah satu sumber pendapatan negara selain *jizyah*, *kharāj*, *ghānimah*, dan *faqy*. Bahkan dalam penilaian K. Ali, Rasūlullāh s.a.w. merupakan orang pertama yang menetapkan di Madinah.⁴⁹

Berbeza dengan keadaan di Makkah, di mana Umat Islam dihalang-halangi menjalankan agamanya. Manakala di Madinah mereka telah menjadi suatu komuniti yang mempunyai daerah, kekuatan dan pemerintahan sendiri. Oleh kerana itu beban tanggung jawab mereka mengambil bentuk baru sesuai dengan perkembangan tersebut, iaitu bentuk hukum-hukum yang mengikat bukan hanya perintah yang bersifat anjuran. Hal tersebut mengakibatkan penerapannya memerlukan kekuasaan di samping didasarkan atas perasaan iman. Kecenderungan itu terlihat pula pada penerapan zakat. Allāh s.w.t. telah menegaskan kekayaan apa yang mesti dikeluarkan

⁴⁶ Aḥmad Muṣṭafā al-Marāghī (1969), *Tafsīr al-Marāghī*, Bayrut: Dār al-Fikr, h. 183. Lihat juga Tafsīr Pimpinan Al-Raḥmān Kepada Pengertian Al-Quran 30 Juz (2001). Kuala Lumpur: Dārul Fikr. Cet. Kedua Belas. h. 43.

⁴⁷ Zakat emas dan perak. QS. al-Tawbah: 34-35, Dirikanlah muslim dalam *al-Zakāh*, juga oleh Bukhari, Abu Dawūd, Ibnu Mundzir, Ibnu Abū Hatim dan Ibnu Mardawih. (Lihat *Subulus Salām* II, h. 129), Sunān Abū Dawūd (2000), Riyāḍ: Dār al-Salām, h. 128. Zakat *al-zirā'ah* (hasil pertanian), QS. al-An'ām: 141, Ṣaḥīḥ Bukharī (2000). Riyāḍ: Dār al-salām. h. 117. *Ibid.*, Ṣaḥīḥ Muslim (2000). Riyāḍ: Dār al-salām. h. 832. Dirikanlah juga oleh Aḥmād, Nasa'i dan Abū Dawūd. Penerbit Usmaniah, (Lihat juga *Nail al-Awṭār*, jilid 4), h. 139. Zakat *al-an'ām* (haiwan ternakan), QS. Yāsin ayat 71-73, Ṣaḥīḥ Bukharī (2000). Riyāḍ: Dār al-salām. h. 114, hadis No. 1452, *Ibid.*, h. 115, hadis No. 1460. *Al-tijārah* (harta perdagangan/perniagaan), QS. al-Baqarah: 267, Sunān Abū Dawūd (2000), Riyāḍ: Dār al-Salām, h. 1338. *Rikāz* (harta kekayaan yang ditemukan dalam perut bumi), QS. al-Baqarah: 267, Lihat juga Ibnu Majāh (2000), Riyāḍ: Dār al-Salām, h. 2626. Hadis ini juga dirikanlah oleh imam hadis yang enam dalam kitab-kitab hadis yang mereka susun, dari Abū Hurairah, lihat Jamaluddin Abū Muḥammad Abdullāh bin Yūsuf Al-Zaila'i Al-Hanafī (1997), *Naṣbul al-Rayah li Aḥādīth al-Hidāyah*, juzu' 2, Bayrut: Dār al-Qiblati liṭaqāfah al-Islāmiyyah, h. 380.

⁴⁸ William Montgomery Watt (1961), *Muḥammad: Prophet and Statesman*, Oxford University Press, h. 94-95.

⁴⁹ K. Ali (1980), *op.cit.*, h. 77.

zakatnya, syarat-syarat terkena kewajiban zakat, besarnya, sasaran zakat dan badan yang bertanggung jawab mengatur dan menguruskannya.⁵⁰

Jadi pada Tahun Kedua Hijrah, ditetapkan qadarnya dari setiap jenis harta serta diterangkan secara terperinci. Ayat-ayat yang turun di Madinah juga telah menegaskan zakat itu wajib dalam bentuk perintah yang tegas dan arahan pelaksanaan yang jelas. Surat al-Tawbah yang diturunkan pada Tahun Kesembilan Hijrah adalah merupakan salah satu surat dalam al-Quran yang memberikan perhatian besar pada zakat.⁵¹

2.2.3 Pentadbiran Zakat

Mengikut sejarah, pengurusan dan pentadbiran zakat pada zaman Rasūlullāh s.a.w. dikendalikan oleh Baginda sendiri dalam kapasitinya sebagai utusan Allāh s.w.t.⁵² dan sebagai Ketua Negara.⁵³ Apabila jumlah umat Islam semakin ramai dan wilayah Islam bertambah luas, Rasūlullāh s.a.w. telah melantik para pemungut zakat (*'āmil*) untuk bertugas di beberapa wilayah Islam.⁵⁴ Dalam hadis riwayat Abu Hurairah dinyatakan bahawa Rasūlullāh s.a.w. pernah mengutus 'Umar bin al-Khaṭṭāb ke Yamān untuk memungut zakat. Sebagai *'āmil*, beliau diberi upah atas kerjanya sebagai *'āmil* dan dilarang menerima hadiah. Ibnu Lutaybah pernah ditegur oleh Rasūlullāh s.a.w.⁵⁵ Keberadaan *'āmil* sangat penting kerana antara masyarakat ada yang memiliki harta, tetapi tidak mengetahui kewajiban zakat. Begitu pula ada yang memiliki harta, tetapi bakhil sehingga mesti diambil zakatnya.⁵⁶ *'Āmil* berperanan menjelaskan hukum zakat bagi mereka yang sudah kena wajib zakat, serta mengingatkan kewajiban bagi mereka yang lalai. Justeru Rasūlullāh s.a.w. sebagai Rasūl dan Ketua Negara telah melantik para pegawai zakat untuk memberi peringatan tentang kefarduan zakat serta melaksanakan pemungutan dan pembahagian zakat.

Selanjutnya, pengertian *'āmil* menurut jumhur 'ulamā iaitu Madhhab Syāfi'i, Maliki dan Ḥanbalī adalah petugas yang mengurus segala permasalahan zakat, seperti memungut dan mengumpulkan zakat, memelihara harta zakat serta menulis jumlah kutipan dan agihan zakat.⁵⁷ Sedangkan menurut Madhhab Ḥanafī, *'āmil* adalah orang-orang yang dipekerjakan oleh imam untuk

⁵⁰ *Ibid.*, h. 61-62.

⁵¹ Dalam ayat permulaan surat itu Allah memerintahkan agar orang-orang musyrik yang melanggar perjanjian damai itu dibunuh. Tetapi jika mereka (1) bertawbat, (2) mendirikan ṣolat wajib, dan (3) membayar zakat, maka berilah mereka kebebasan (Lihat QS. al-Tawbah: 5), Enam ayat setelah ayat diatas Allah berfirman: "...jika mereka bertaubat, mendirikan ṣolat dan membayar zakat, barulah mereka teman kalian seagama..." (Lihat QS. al-Tawbah: 11), Allah juga merestui orang-orang yang menyemarakkan masjid; iaitu orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian, mendirikan ṣalat, membayar zakat (Lihat QS. al-Tawbah: 18), Allah mengancam dengan azab yang pedih kepada orang-orang yang menimbun emas dan perak dan tidak menafkahnnya di jalan Allah (Lihat QS. al-Tawbah: 34-35), Dalam surat ini juga terdapat penjelasan tentang sasaran-sasaran penerima zakat (Lihat QS. al-Tawbah: 60), Allāh menjelaskan pula bahawa zakat merupakan salah satu institusi seorang Mu'mīn (Lihat QS. Al-Tawbah: 71), Allāh memberikan instruksi kepada Rasūl-Nya dan semua orang yang bertugas memimpin ummat setelah beliau untuk memungut zakat (Lihat QS. al-Tawbah: 103).

⁵² Kapasiti Rasūlullāh sebagai utusan Allāh tampak dalam sabdanya ketika mengutus Mu'ādh ke Yamān. Beliau bersabda: "Engkau akan mendatangi kaum ahlul kitab, ajaklah mereka untuk menyatakan syahadat (bersaksi) bahwa tiada Tuhan selain Allāh dan aku adalah utusan Allāh." Selanjutnya Rasūlullāh Bersabda: "Jika mereka menerima ajakanmu, beritahukanlah kepada mereka bahwa Allāh telah mewajibkan ṣolat lima waktu dan Allāh mewajibkan zakat. (HR Jama'ah dari Ibnu Abbās). Inti hadis adalah perintah Rasūlullāh s.a.w. kepada Mu'ādh untuk berdakwah mengajak ahlul kitab masuk Islam dan termasuk bagian dari kewajiban muslim adalah berzakat.

⁵³ Sebagai kepala Negara Rasūlullāh mengangkat Mu'ādh untuk menjadi Gabenor di Yamān pada tahun ke sepuluh hijriyah. Sayyid Sabiq (1968). *Fiqh al-Sunnah*. Kuwait: Dār al-Bayān. jilid 3, h. 276.

⁵⁴ Yūsuf Qaraḍawī, *op.cit.*, h. 797-798.

⁵⁵ Ṣaḥīḥ Muṣṭafī (2000). Riyāḍ: Dār al-salām. h. 127.

⁵⁶ Al-Nawawī (t.t), *al-Majmū'*, Juzu' VI, Jeddah: Irsyād, h. 167.

⁵⁷ Muḥammad 'Arafāt al-Dasūqi (t.t), *Hasyiyat al-Dasūqi 'alā Syarḥ al-Kabīr*, Bayrut: Dār al-Fikr, h. 103. Lihat juga Muḥammad Ibn 'Abd al-Bar al-Namurī (t.t), *Al-Kāfi fī Fiqh Ahl al-Madīnah al-Mālikī*, Bayrut: Dār al-Kutūb al-'Ilmiyyah, h. 114.

mengumpulkan zakat. Madhhab Ḥanafī hanya menggambarkan bahawa *‘āmil* adalah petugas yang dilantik oleh imam untuk mengumpulkan zakat dari *muzakkī* sahaja.

Secara spesifik berkenaan dengan masalah zakat ini, Nabi Muḥammad s.a.w. melantik petugas khusus atau yang dikenal dengan *‘āmil* zakat, yang diberi pekerjaan dan tugas secara khusus untuk pengurusan zakat. Mereka bertugas memungut, menaksir harta yang wajib dizakat dan membahagikannya kepada yang berhak menerimanya. Tugas demikian dapat diketahui dari beberapa hadis,⁵⁸ misalnya:

عن عتاب بن أسيد أن النبي صلى الله عليه وسلم كان يعث علي الناس من يخرص عليهم كرومهم وثمارهم (رواه ترمذي)

Ertinya: dari ‘Uttab ibn Usayd bahawasanya Nabi s.a.w. menghantar kepada kaum muslimin orang yang menaksir (zakat) anggur dan biji-bijian yang mereka miliki.

Dalam hadis tersebut dapat difahami bahawa Nabi Muḥammad s.a.w. mengirim petugas khusus untuk menyemak kekayaan kaum muslimin setelah itu menaksir atau mengira jumlah zakat yang wajib dikeluarkan. Di antara *‘āmil* yang ditugaskan ialah seperti Anas bin Mālik yang diutus ke Bahrayn,⁵⁹ ‘Abdullah ibn Rawahah ke Khaybar,⁶⁰ Ibn al-Lutaybah kepada Bani Salīm,⁶¹ dan al-Walid ibn ‘Uqbah kepada Bani Mustaliq.⁶² Terdapat juga sekumpulan *‘āmil* yang diarahkan Nabi Muḥammad s.a.w. untuk memungut zakat didusun-dusun di padang pasir seperti: Abu Mas’ūd, Abu Jahm, ‘Uqbah ibn ‘Amir, Dahhaq, Ibn Qays dan ‘Ubādah ibn Ṣamit.⁶³

‘Āmil zakat yang dibentuk Nabi Muḥammad s.a.w. dapat dibahagi dalam dua kelompok, iaitu: *Pertama*, *‘āmil* yang bertugas sebagai Gabenor atau pemerintah wilayah dan pada masa yang sama bertanggungjawab melakukan pungutan zakat. *Kedua*, *‘āmil* yang hanya bertugas untuk mengumpulkan zakat dan mengagihkannya. Tugas demikian meliputi daerah-daerah dimana walinya telah dilantik, sama ada di sekitar Kota Madinah, atau di luar dari daerah-daerah tersebut. Zakat dikumpulkan di Masjid Nabi atau diletakkan di tempat yang khusus. Dalam pembahagian, Nabi Muḥammad s.a.w. sendiri yang menyalurkannya atau dengan melantik orang-orang tertentu untuk menyampaikan zakat dengan keadaan *mustahiq* datang ke masjid untuk menerima hak mereka atau memintanya.⁶⁴

Menurut Ibnu Qayyim al-Jauziyyah, Nabi Muḥammad s.a.w. mengutus para petugas memungut zakat ke desa-desa atau daerah pedalaman (Badwi), sedangkan di kota tidak dilakukan kerana *muzakkī* datang sendiri menghantarkan zakatnya kepada Nabi Muḥammad s.a.w. dan *mustahiq* pun datang ke masjid untuk menerima haknya.⁶⁵ Untuk lebih jelas dalam hal ini dapat dirujuk kepada hadis Nabi Muḥammad s.a.w. antara lain adalah kisah Mu’ādh bin Jabāl yang diutus ke Yamān.⁶⁶ Selain Mu’ādh bin Jabāl, Nabi Muḥammad s.a.w. juga melantik sejumlah sahabat lain

⁵⁸ Muḥammad Ibn Isa (1983), *Sunān Turmudhi*, Cet.II, Juz 2, Bayrut: Dār al-Fikr, h.78. Lihat juga Al-Turmudhi (t.t), *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ III*, Bayrut: Dār al-Fikri, h. 80

⁵⁹ Aḥmad ibn Husayn (t.t.), *Sunān Kubra*, Juzu’ 4, Misr: Dār al-Fikr, h. 86.

⁶⁰ Ali Nasif (t.t.), *Al-Taj al-Jāmi’ Li al-Uṣūl fi Ḥadīth al-Rasūl*, Juzu’ 2, Cet. 2, Misr: Dār Iḥya al-Kutūb al-‘Arabiyyah, h. 16.

⁶¹ Ibnu Ḥajar Asqalanī (t.t.), *Fathu al-Bari Syarḥu Ṣaḥīḥil al-Bukhārī*, Juzu’ 4, t.tp.: Al-Maktabah as-Salafiyyah, h.107. Baca juga Al-Qurṭūbi (1993), *al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qurān*, Bayrut: Dār al-Kutūb al-‘Ilmiyyah, h.113.

⁶² Aḥmād Mustafā al-Marāghī (1969), *Tafsīr al-Marāghī* Juzu. 25, Bayrut: Dār al-Fikr, h. 126.

⁶³ Abd. al-Qadīm Zallūm (1996), *Nizām al-Hukm fi al-Islām*, cet. IV, Bayrut: Dār al-Ummah, h. 26-27 Baca juga M. Hasbi Ash Shiddiqy (1990), *Pedoman Zakat*, Jakarta: Bulan Bintang, h. 78.

⁶⁴ Ibnu Qayyim al-Jawziyyah (1979), *Zād al-Ma’ād fi Hadyi Khair al-‘Ibād*, jld. 3., Bayrut: Muassasah Risālah, h. 470.

⁶⁵ *Ibid.*

⁶⁶ Qahtan Abdul Raḥmān al-Dawriy (1999), *Sofwah al-Aḥkām min Nail al-awṭār wa Subul al-Salām*, Jordan: Dār al-Furqan, h. 103. Baca juga Al-Imam Abu ‘Abdullah Muḥammad Ibn Ismail al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ bukhārī*, Maktabah Syāmilah, hadis No.

untuk memimpin wilayah seperti 'Ubadah bin Şamit dan Waḥid bin 'Uqbah. 'Alī Husayn menyebut bahawa pembahagian wilayah pada masa Nabi Muḥammad s.a.w. meliputi Madinah, Tayma', al-Jund, Daerah Bani Kindah, Makkah, Najran al-Yamān, Hadramawt, dan Bahrayn. Selanjutnya 'Alī Husayn menyebutkan, Nabi melantik wali untuk setiap daerah ini dengan tugasnya iaitu untuk melaksanakan hukum, mengukuhkan undang-undang, dan mempersiapkan aturan-aturan khusus yang berkenaan dengan peradilan.⁶⁷

Selanjutnya, Yūsuf Qaraḍawī ada menyebutkan nama-nama petugas zakat dan wilayah yang diutus oleh Rasūlullāh s.a.w., iaitu: 'Uyaynah bin Hisn ke Banu Tamim, Buraydah bin al-Ḥasib ke Banu Aslām dan Banu Ghifar, al 'Abbād bin Bisr al-Aşali diutus ke Banu Sulaym dan Banu Muzanah, Rafī' bin Makit diutus ke Banu Juhaynah, Amr bin al-'As diutus ke Banu Fazarah, al-Dahhak bin Sufyan al-Kallabi diutus ke Banu Kilāb, Busr bin Sufyan al-Ka'āb ke Banu Ka'āb, Ibnu al-Lutaybah al-Azdi diutus ke Banu Dzibyan, dan petugas dari Banu Sa'ād Hudzaim. Selain itu Rasūlullāh mengutus Muhajir bin Abu 'Umayyah ke daerah Şan'a, Ziyād bin Labid diutus ke Hadramawt, 'Adi bin Hatim diutus ke Banu Ṭay dan Banu Asad, Mālik bin Nuwairah diutus ke Banu Hanzalah, Zubraqan bin Nadr dan Qais bin 'Aşim diutus ke Banu Sa'ād, al-'Ala' bin Hadrami diutus ke Bahrayn, dan 'Alī diutus memungut zakat ke Banu Najran.⁶⁸

Pengutusan 'āmil ke setiap daerah adalah menunjukkan pelaksanaan yang dilakukan dalam pentadbiran negara. Oleh kerana itu dalam penulisan-penulisan Islam, walaupun zakat dibincangkan dalam bab ibadat di samping solat, puasa dan haji, perbincangan mengenai zakat juga dibincangkan dalam topik-topik mengenai kenegaraan dan pemerintahan iaitu di bawah tajuk sistem kewangan negara.⁶⁹ Ini bererti bahawa zakat sebenarnya bukan urusan peribadi yang boleh diuruskan sendiri secara individu oleh umat Islam. Sebaliknya ia juga adalah sebahagian daripada sistem sosial yang perlu diuruskan oleh pemerintah. Bagi tujuan tersebut adalah menjadi kewajipan pemerintah untuk mengadakan jentera yang teratur bagi melaksanakan tugas pemungutan dan pengagihan harta-harta zakat ini. Tanpa usaha-usaha seperti itu pemerintah boleh dianggap sebagai telah berlaku cuai terhadap pemerintahan dan pentadbirannya sendiri.

Banyak dalil daripada al-Qur'an dan al-Sunnah yang menyokong kenyataan di atas. Dalam al-Qur'an Allāh telah membicarakan tentang pelantikan para pegawai dan pemungut zakat, atau disebut sebagai *al-Āmilīna 'Alayhā* sebagaimana firman-Nya di dalam Surat al-Tawbah ayat 60 seperti berikut:

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمَوْلَفَةَ قُلُوبِهِمْ ۚ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغُرْمِينَ
 وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ۝۶۰ ﴾

Ertinya: Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang faqir, orang-orang miskin, 'āmil-'āmil yang mengurusnya, orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, orang-orang yang berhutang, untuk (dibelanjakan pada) jalan Allāh, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai suatu ketetapan (yang datangnya) dari Allāh. Dan (ingatlah) Allah Amat Mengetahui lagi Amat Bijaksana.⁷⁰

1308, Bab Wujūb az-Zakāt, Juzu' 5, h. 201. Sjechul Hadi Pernomo (2005), *Formula Zakat Menuju Kesejahteraan Sosial*, Surabaya: Aulia, h. 332.

⁶⁷ Ali Husayn al-Kharbutali (t.t.), *Al-Ḥaḍārah al-'Arābiyyah al-Islāmiyyah*, Kairo: al-Khanji, h. 15.

⁶⁸ Yūsuf Qaraḍawī (1985), *Fiqh al-Zakāh*. Bayrut: Muassasah Risālah. h. 797-798.

⁶⁹ Al-Mawardī (1966), *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah*, Ed. 2, Misr: Matba'ah Mustafā al-Halabī, h. 25.

⁷⁰ Tafsir Pimpinan Al-Rahmān. *op. cit.* h. 443.

Jadi, ayat 60 surah al-Tawbah tersebut menjelaskan bahawa pelantikan pengurus-pengurus zakat itu sebenarnya suatu ketetapan dari Allāh s.w.t. Istilah 'Āmilīna 'Alayhā atau orang yang bertugas mengurus pungutan zakat, menunjukkan keutamaan dan fungsi badan yang khusus dalam pentadbiran zakat dalam sesebuah kerajaan. Ketika menafsirkan ayat 60 surat al-Tawbah Imam Qurṭubī⁷¹ mengatakan bahawa 'āmil itu adalah orang-orang yang diangkat oleh imam/pemerintah untuk mengambil, menuliskan, menghitung dan mencatatkan zakat yang diambilnya dari para *muzakkī* dan kemudian diberikan kepada yang berhak menerimanya.

'Āmil sebagai *aṣnāf* yang ketiga merupakan *aṣnāf* yang terpenting dalam sistem agihan zakat, kerana mereka menguruskan dua tanggungjawab asas iaitu kutipan dan agihan dana zakat.⁷² Kata 'āmil, meskipun ada beberapa kali disebutkan,⁷³ namun yang berkenaan dengan zakat hanya disebutkan satu kali sahaja, iaitu pada surat al-Tawbah ayat 60. Manakala ayat 103 pada surat yang sama menyebut tentang perintah untuk memungut zakat. Allāh s.w.t. telah mengarah Rasūlullāh s.a.w. sebagai pemerintah supaya memungut zakat dari orang-orang Islam. Berdasarkan perintah ini, ia menunjukkan bahawa terdapat pihak tertentu yang bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas pungutan dan kutipan zakat. Allāh berfirman:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

*Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat) supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allāh Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.*⁷⁴

Penafsiran bahawa arahan tersebut dibuat kepada Rasūlullāh s.a.w. atas sifat baginda sebagai pemerintah negara nampak jelas melalui sikap Abu Bakar ra, khalifah pertama Islam. Beliau menolak tafsiran kalangan⁷⁵ yang menolak kewajipan membayar zakat sesudah kewafatan Rasūlullāh s.a.w. Bagi beliau, walaupun fungsi mendoakan kepada pembayar zakat itu pada asasnya dilakukan oleh Baginda Rasūlullāh s.a.w. sebagai seorang Rasūl, namun pembayaran zakat itu sendiri dibuat kepada Baginda sebagai pemimpin negara.⁷⁶ Kerana itu zakat mesti dibayar kepada pemerintah Islam, tidak kira siapa yang menjadi ketua negara, sama ada Nabi Muḥammad s.a.w. mahupun para khālifahnya.

⁷¹ Al-Qurṭubī (1993), *al-Jāmi' Li Ahkām al-Qurān*, Bayrut: Dār al-Kutūb 'Ilmiyyah, jilid 7, h. 112-113.

⁷² Al-Nawawī (1964), *Rauḍah al-Tālibīn*, jld. 2, Bayrut: Maktabah al-Islāmi, h. 328.

⁷³ Kata 'āmil ada 13 (Tiga Belas) kali disebutkan di dalam al-Quran. Lihat Tim Kuwais (2007), *Ensiklopedia Al-Quran*, Jakarta: Gema Insani, h. 883.

⁷⁴ Tafsir Pimpinan Ar-Raḥmān *op.cit*, h. 457.

⁷⁵ kesalahpahaman ini terbatas pada satu suku Arab Badui yang baru memeluk Islam, bukan pada sebahagian besar umat yang telah memahami makna zakat sebagai bagian tidak terpisahkan dari ibadah (*solat*). Lihat Yūsuf Qaraḍawī (1985), *Fiqh al-Zakāh*, Bayrut: Muassasah Al-Risālah, h. 91. Sebagaimana beliau berkata: "Di antara kelompok ini, ada orang-orang yang sudah memahami kewajipan ibadah (*solat*), tapi belum paham makna zakat, lebih kerana mereka baru sahaja memeluk Islam dan kerana tata cara Baduiisme mereka, bukan kerana tidak jelasnya status zakat."

⁷⁶ Ketika Rasūlullāh membebaskan Abū Lubabah dan dua sahabatnya, maka Abū Lubabah dan dua sahabatnya datang membawa harta mereka untuk menemui Rasūlullāh s.a.w. Mereka berkata, ambil dari sebahagian harta kami dan sedekahkanlah bagi kami serta doakanlah kami. Mereka juga berkata, mintakanlah keampunan bagi kami dan bersihkanlah kami. Mendapati hal itu, Rasūlullāh s.a.w. bersabda, saya tidak akan mengambil sedikitpun daripada harta kalian itu sehingga saya diperintahkan oleh Allāh s.w.t. Maka, Allāh s.w.t. menurunkan surat al-Tawbah ayat 103. Jadi dalam hal ini mereka membayar zakat kepada Rasūlullāh s.a.w. sebagai pemimpin Negara yang telah membebaskan mereka, dan sebagai seorang Rasūl, Baginda juga mendoakan mereka dan memohon ampun untuk mereka atas segala dosa-dosa yang telah mereka lakukan. Lihat Sayyid Quṭūb (1992), *Fī Zilālil Qurān*, Bayrut: Dār asy-syurūq, h. 301.

'*Āmil* zakat boleh terdiri daripada sebuah institusi, yayasan, individu atau pembayar zakat itu sendiri. Rasūlullāh s.a.w. melalui sebuah hadis daripada Rafī' bin Hudayj, bersabda:

العامل على الصدقة بالحق كالغازي في سبيل الله حتي يرجع الي بيته

*Maksud: Pegawai zakat yang berkhidmat untuk mengutip dan mengagihkan dengan telus dan efisien akan mendapat pahala setanding dengan pahala tentera (mujahid) yang mendapatkan harta rampasan perang sehingga ia kembali ke tempat tinggalnya.*⁷⁷

Berhubung jawatan '*āmil*, jumhur 'ulamā bersepakat bahawa ia merupakan jawatan yang dilantik oleh Kerajaan Islam kepada individu, organisasi atau pemilik harta itu sendiri. Jumhur ulama juga bersepakat, tanggungjawab '*āmil* adalah memungut dan mengagihkan dana zakat kepada *aṣnāf* yang telah ditentukan *nāṣ* dan *ijtihād* (fatwa) melalui program-program agihan.⁷⁸

Hadis-hadis juga menunjukkan pengertian yang sama seperti yang dapat difahami dari al-Qur'an. Dalam hadis riwayat Ibn Abbās ra, Rasūlullāh s.a.w. berkata kepada Mu'ādh ibn Jabāl ra⁷⁹ apabila baginda mengutusnyanya ke Yamān:

اعلمهم أن الله قد افترض عليهم في اموالهم صدقة تؤخذ من اغنيائهم فترد على فقرائهم

Ertinya: Beritahu mereka bahawa Allāh s.w.t. telah mewajibkan ke atas mereka zakat dari harta-harta mereka, yang akan diambil/dipungut dari orang-orang kaya mereka dan diberikan kepada orang-orang faqir mereka.

Dalam hadis di atas Rasūlullāh s.a.w. menyebut perkataan "dipungut". Perkataan tersebut menunjukkan bahawa ada pihak tertentu yang melaksanakan kerja-kerja pungutan berkenaan. Al-Hafīḍ Ibnu Ḥajar berkata bahawa hadis berkenaan menunjukkan bahawa pemerintahlah yang bertanggung jawab untuk memungut dan mengagihkan zakat, sama ada secara langsung atau melalui mana-mana agen yang dilantik. Maka kalau sesiapa enggan membayarnya, pungutan akan dibuat secara paksaan dengan kuasa pemerintah.⁸⁰ Oleh kerana itu Rasūlullāh s.a.w. atau para khalifah setelah Baginda telah melantik dan menghantar para petugas ke serata daerah dalam negara Islam untuk memungut dan mengagihkan zakat.⁸¹ Manakala daripada sudut pihak yang perlu ditujukan pembayaran zakat, fatwa-fatwa para sahabat menunjukkan bahawa tanggung jawab umat Islam adalah membayar zakat kepada pemerintah. Dalam kitab *al-Mudawwamah al-Kubrā*, Imam Mālik meriwayatkan bahawa⁸² harta zakat itu wajib dibayar kepada pemerintah (*sultan*).⁸³

⁷⁷ Abū Dawūd bin Asy'as bin Ishāq (1988), *Sunān Abū Dawūd*, Bayrut: Mua'assah al-Kutūb al-Taḡāfiyah, h. 16. Ibnu Abi Shaybah (1995), *Muṣḥaf Ibnu Abī Syaibah*, jld. 1, Bayrut: Dār al-Kutūb al-'Ilmiyyah, h. 140.

⁷⁸ Kewajipan ini berdasarkan kepada surah al-Tawbah, ayat 60 dan 103. Imam al-Syāfi'ī menamakan perkhidmatan ini dengan nama jawatan *wali idārah amwāl al-zakāh*. Lihat al-Syāfi'ī (1993), *al-Umm*, jld. 2, Bayrut: Dār al-Ma'rifah, h. 61.

⁷⁹ Al-Imām Abū Abdullāh Muḥammad Ibn Ismail al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ bukhārī*, Maktabah Syāmilah, hadis No. 1308, Bab *Wujūb al-Zakāt*, Juzu' 5, h. 201. Baca juga Muhammad Ibn Ismail al-Kahlani al-San'ani (t.t.), *Subul al-Salām*, Juzu' 2, Bandung: Dahlan, h. 120.

⁸⁰ Ibnu Ḥajar al-Asqalanī (t.t.), *Fath al-Barī*, Jld. 3. Qāhirah: Mustafa al-Babī al-Halabī, h. 23. Baca juga Al-Syawkani, *Nayl al-Awtār*, Qāhirah: Mustafa al-Babī al-Halabī, Jld. 4., h. 124.

⁸¹ Ibnu Ḥajar al-Asqalanī (t.t.), *Al-Talkhis al-Ṭibā'ah al-Fanniyyah*, jld. 2., Qāhirah: Mustafā al-Babī al-Halabī, h. 159-160. Baca juga Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1979), *Zād al-Ma'ād fī Hadyi Khair al-'Ibād*, jld. 3., Bayrut: Muassasah Risālah, h. 472. Baca juga Ibn Sa'ād (t.t.), *Al-Ṭabaqāt*, jld. 2., Bayrut: Muassasah Risālah, h. 160.

⁸² 'Abdullāh ibn Amr ibn Aṣ, Ibn 'Umar, Jābir ibn 'Abdullāh, Sa'ād ibn Abi Waqqās, Ḥudayfah ibn al-Yamān, Anas ibn Mālik, Abu Qatadah, Abu Sayd al-Khuḍri, Abu Hurayrah, Aisyah, Umm Salāmah, Muḥammad ibn Ka'āb al-Qurazī,

Abū 'Ubayd meriwayatkan bahawa Ibn Sirīn berkata, pada zaman dahulu zakat dibayar kepada Nabi Muḥammad s.a.w. atau kepada *'āmil* yang dilantik Baginda s.a.w. Kemudian pada zaman Abū Bakar ra, zakat dibayarkan kepada Abu Bakar ra atau kepada *'āmil* yang dilantik. Begitu juga pada zaman 'Umar dan 'Uthmān. Namun setelah 'Uthmān terbunuh terjadi perselisihan pendapat, ada sebahagian kelompok yang tetap membayar zakat kepada pemerintah dan ada pula yang terus membahagikannya kepada para *mustahiq*. Abū 'Ubayd juga meriwayatkan dengan sanadnya bahawa Ibn 'Umar pernah berkata: "Selama pemerintah itu mendirikan solat maka bayarlah (zakat) kepada mereka".⁸⁴

Sehubungan dengan itu, Rasyīd Riḍā berpendapat bahawa kaum muslimin tidak mesti menyerahkan zakat kepada pemerintahan yang zalim. Kaum muslimin mesti menyerahkan harta zakat kepada pemerintahan yang muslim.⁸⁵ Hal ini mengindikasikan bahawa hanya pemerintahan Islam yang wajib memungut dan menguruskan harta zakat. Pemerintah yang berdasarkan Islam memiliki peraturan perundang-undangan yang didasarkan kepada al-Quran dan sunnah.

2.3. Undang-Undang Pentadbiran Zakat Pada Zaman *Khulafā al-Rāsyidīn*

Setelah Nabi Muḥammad s.a.w. wafat, tampuk kepimpinan pemerintah Islam dilanjutkan oleh Abū Bakar al-Siddīq. Abū Bakar al-Siddīq menghadapi masalah yang cukup serius berikutan penolakan umat Islam untuk membayar zakat dan munculnya nabi palsu.⁸⁶ Pada zaman pemerintahan Khālifah Pertama ini, Abū Bakar memerintah dengan tegas terutama dalam perkara penguatkuasaan zakat. Ini kerana tidak lama setelah Rasūlullah s.a.w. wafat, terdapat sekelompok umat Islam yang tidak mahu melaksanakan kewajipan zakat sebagaimana sistem yang telah ditetapkan oleh Rasūlullah s.a.w. sebagai tindakbalas. Abū Bakar menyatakan perang terhadap orang-orang yang enggan membayar zakat. Ia menegaskan tekadnya dalam sebuah ucapan, "Demi Allāh, jika mereka enggan membayar seutas tali yang mengikat seekor unta, yakni apa yang patut mereka bayarkan kepada Rasūlullah s.a.w. Saya menyatakan perang terhadap mereka kerana keengganan mereka."⁸⁷

Tindakan perang ini bagi melindungi struktur kewangan negara dan struktur Islam, iaitu kefarduan zakat berkait dengan rukun Islam yang wajib ditunaikan, tetapi juga keseluruhan struktur Islam. Dalam hal ini, Abū Bakar berperanan dalam menjaga rukun agama dan sifat politik zakat iaitu sebagai salah satu sumber ekonomi untuk kekuatan Umat Islam. Kalau sahaja Abū Bakar tidak memerangi para pemilik kekayaan tersebut, zakat akan sudah kehilangan sifat politiknya dan hanya akan menjadi sebuah ibadah peribadi. Berkat upaya Abū Bakar-lah maka sifat zakat tetap terjaga dalam bentuk asalnya.

Pada zaman pemerintahan Khālifah 'Umar bin Khaṭṭāb selama 10 tahun, di pelbagai wilayah yang menerapkan Islam dengan baik, kaum muslimin menikmati kemakmuran dan kesejahteraan. Kesejahteraan merata ke serata arah. Buktinya, tidak ditemukan seorang miskinpun oleh Mu'ādh bin

Mujahid, al-Qāsim, Salīm, Muḥammad ibn al-Munkadir, 'Urwah ibn al-Zubayr, Rabi'ah ibn Abd al-Rahmān, Makhul al-Qa'qa' ibn Hakim dan 'ulamā lainnya, mereka menyuruh harta zakat dibayar kepada pemerintah.

⁸³ Syawqi Ismail al-Syahāṭah (1977), *Al-Ṭatbiq al-Mu'āsir li al-Zakāh*, Ed. 1., Jeddah: Dār al-Syurūq, h. 11-12. Baca juga Al-Zarqani (1990), *Syarḥ al-Zarqani 'alā Muwaṭṭa li al-Imām Mālik II*, Bayrut: Dār al-Kutūb al-'Ilmiyah, h. 167

⁸⁴ Abū 'Ubayd al-Qāsim bin Salām (1986), *al-Amwāl*, Bayrut; Dār al-Kutūb 'Ilmiyah, h. 12.

⁸⁵ Sayyid Sabiq (1968). *Fiḥ al-Sunnah*. Kuwait: Dār al-Bayān. jilid 1, h. 341.

⁸⁶ Azhari Akmal Tarigan (2006), *Dasar-Dasar Ekonomi Islam*, Bandung: Cita pustaka Media, h.211.

⁸⁷ Abdul Wahab an-Nazār (t.t.), *al-Khulāfa al-Rāsyidīn*, Bayrut: Dār al-Fikr, h. 37. Baca juga M. Husayn Haekal (1995), *Hayat Muḥammad*, Jakarta: Pustaka Litera Antar Nusa, h. 16. Dan Baca juga Abu Bakar Jābir al-Jazāri (1976). *Minhajul Muslīm*. Bayrut: Dār al-Fikr. h. 248. Abdul Khalik Al-Nawawī (1971), *al-Niḍām al-Māli fī al-Islāmī*, Misr: al-Maktabah al-Ajlu al-Miṣriyyah, h. 29. Aḥmad Husnan (1996), *Zakat Menurut Sunnah dan Zakat Model Baru*, Jakarta: Pustaka Al Kautsar, h. 22. Baca juga Yasir Ibrahim al-Syaikh (2004), *Zakat Menyempurnakan Puasa Membersihkan Harta*, Bandung: Marja, h.128.

Jabāl di wilayah Yamān. Mu'ādh bin Jabāl adalah staf Rasūlullāh s.a.w. yang diutus untuk memungut zakat di Yamān. Pada zaman Khālifah Abū Bakar dan 'Umar, Mu'ādh bin Jabāl terus bertugas di sana. Abū 'Ubayd mengatakan, pada zaman Khālifah kedua 'Umar bin Khaṭṭāb, Mu'ādh bin Jabāl pernah mengirimkan hasil zakat yang dipungutnya di Yamān kepada Khālifah 'Umar di Madinah, kerana Mu'ādh bin Jabāl tidak menjumpai orang yang berhak menerima zakat di Yamān, namun Khālifah 'Umar mengembalikannya. Ketika Mu'ādh bin Jabāl mengirimkan sepertiga hasil zakat itu, Khālifah 'Umar kembali menolaknya dan berkata, "saya tidak mengutusmu sebagai pengumpul ufti, Saya mengutusmu untuk memungut zakat dari orang-orang kaya di sana dan membahagikannya kepada kaum miskin dari kalangan mereka juga." Mu'ādh bin Jabāl menjawab, kalau saya menjumpai orang miskin di sana, tentu saya tidak akan mengirimkan apa pun kepada Anda."⁸⁸

Selanjutnya pada zaman khālifah 'Uthmān bin 'Affān, pentadbiran pengurusan zakat mencapai puncak kemajuan dan kejayaan seiring dengan kemajuan tata pentadbiran Islam di pelbagai bidang.⁸⁹ Hanya sahaja pada masa 'Uthmān penyerahan zakat dalam bentuk emas dan perak, dan harta perdagangan dibebaskan kepada pemilik harta untuk membahagikannya sendiri kepada para *mustahiq*nya. Alasan yang dikemukakan adalah kerana kedua harta tersebut tergolong sebagai harta batiniah, yang kuantitinya kadang-kadang meningkat secara drastik. Sementara untuk barang-barang yang nyata (*zahir*), seperti hasil pertanian, buah-buahan dan ternakan dibayarkan kepada Baitulmal.⁹⁰ Disamping itu juga dikeranakan penerimaan zakat makin meningkat sehingga gudang Baitulmal penuh dengan harta zakat. Untuk itu khalifah memberi kuasa kepada para wajib zakat menyerahkan sendiri zakatnya langsung kepada yang berhak.⁹¹ Selanjutnya dalam sistem pembahagian zakat, 'Uthmān melantik Zayd bin Tsabit untuk bertanggung jawab atas Baitulmal dan memerintahkan agar membahagikannya kepada kaum Muslimin.⁹²

Pasca terbunuhnya 'Uthmān, masyarakat ada yang menyerahkan zakat kepada kerajaan dan ada pula yang langsung memberikan kepada mereka yang berhak menerimanya. Dalam hal ini sama ada harta zahir mahupun harta batin. Manakala sebelum ini, 'Uthmān hanya membebaskan masyarakat mengagihkan zakat harta batinnya saja. Termasuk di antara orang yang langsung menyerahkan zakat secara langsung kepada *aṣnāf* yang berhak adalah 'Abdullāh bin 'Umar.⁹³ Ini kerana kedudukan pemerintah pada saat itu kurang mendapat kepercayaan daripada masyarakat. Padahal dalam hal bayaran zakat, jika zakat itu diselewengkan oleh kerajaan, maka pembayar zakat tidak menanggung dosa. Orang yang bertanggung jawab atas penyelewengan harta zakat tersebut adalah sesiapa yang telah melakukannya.

Sifat politik zakat yang pernah dipertahankan oleh Abū Bakar, telah mula menghilang secara perlahan selepas kewafatan Sayidina 'Uthmān. Pada masa ini, banyak umat muslim yang tidak membayarkan zakatnya kepada kerajaan atau *'amil* yang dilantik. Hal tersebut telah terjadi pada saat peralihan kepimpinan dari 'Uthmān bin 'Affān kepada 'Alī bin Abi Ṭālib sebagai Khālifah keempat. Pada ketika itu, umat muslim mulai berselisih pendapat perihal bayaran zakat kepada kerajaan, sebahagian ada yang tetap membayarkannya kepada pemerintah dan sebahagian lainnya membahagikannya sendiri kepada para *mustahiq*. Penyebabnya adalah masyarakat tidak lagi percaya terhadap pemerintah.

⁸⁸ Abū 'Ubayd al-Qāsim bin Salām (1986), *op.cit.*, h. 552.

⁸⁹ Didin Hafhifuddin (2002), *Zakat Dalam Perekonomian Modern*, Jakarta: Gema Insani, h.75.

⁹⁰ Abdul Khaliq al-Nawawī (1971), *op.cit.*, h. 21. Lihat juga Ali yafie (1994), *Menggagas Fiqh Islam*, Bandung: Mizan, h. 234.

⁹¹ Yasin Ibrahim al- Syaikh (1981), *Kitab Zakat: Hukum, Tata Cara dan Sejarah*, Bandung: Marja, h. 137.

⁹² Yasin Ibrahim al- Syaikh (2004), *Zakat Menyempurnakan Puasa Membrosihkan Harta*, Bandung: Marja, h.59.

⁹³ Abū 'Ubayd al-Qāsim bin Salām (1986), *op.cit.*, h. 562.

Sebagaimana menurut Abū 'Ubayd, periode 'Alī bin Abi Tālib, menandakan bermulanya keengganan masyarakat untuk menyerahkan zakat melalui kerajaan. Hal ini mungkin disebabkan oleh isu-isu politik pada zaman itu. Abū 'Ubayd menjelaskan:

Zakat pada awalnya dibayar kepada Rasūlullāh s.a.w. atau kepada penanggung jawabnya. Kemudian kepada Abū Bakar atau penanggung jawabnya, kemudian kepada 'Umar atau penanggung jawabnya, kemudian kepada 'Uthmān atau penanggung jawabnya. Akan tetapi, ketika 'Uthmān terbunuh, ketidaksetujuan muncul. Sebahagian orang membayarkannya kepada kerajaan, sebahagian lain menyalurkannya langsung kepada penerima zakat.⁹⁴ Keadaan bertambah buruk setelah zaman khalifah keempat ('Alī bin Abi Tālib) akibat tumbuhnya persepsi dalam masyarakat bahawa pemerintah tidak memiliki komitmen terhadap agama.⁹⁵

Persepsi masyarakat dalam hal ini adalah disebabkan kerana kekacauan politik pada zaman 'Alī. Padahal 'Alī terkenal sangat sederhana, ia secara sukarela menarik dirinya dari senarai penerima dana bantuan Baitulmal, bahkan dia memberikan 5.000 dirham setiap tahunnya. 'Alī sangat ketat dalam menjalankan kewangan negara.⁹⁶ Apalagi saat itu pemerintahannya bertanda dengan kekacauan politik, namun hal ini tidak menghalangnya untuk mengatur sistem kolektif pengumpulan dan pembagian zakat.⁹⁷

Kemudian untuk mengembalikan kepercayaan masyarakat kepada pemerintah, Khālifah 'Alī bin Abi Tālib memperkemas lagi pentadbiran zakat. Pada suatu hari saudaranya 'āqil datang kepadanya meminta bantuan wang, tetapi 'Alī menolak kerana hal itu sama dengan mencuri wang milik masyarakat.⁹⁸ Khālifah sentiasa memerintahkan kepada pengurus dan pentaksir agar tenang apabila berdepan dengan pembayar zakat. Pentaksir hendaklah sentiasa berperaturan dan mengurus secara kemas, profesional serta membudayakan mesra salam kepada setiap pelanggan zakat. Khālifah juga telah membahagi-bahagikan harta zakat dengan adil dan berhemah.⁹⁹

III. Kesimpulan dan Saran

3.1. Kesimpulan

Pengurusan dan pentadbiran zakat pada zaman Rasūlullāh s.a.w. dikendalikan oleh Baginda sendiri dalam kapasitinya sebagai utusan Allāh s.w.t. dan sebagai Ketua Negara. Rasūlullāh s.a.w. juga telah melantik para pegawai zakat untuk memberi peringatan tentang kefarduan zakat serta melaksanakan pemungutan dan pembahagian zakat. *Āmil* zakat yang dibentuk Rasūlullāh s.a.w. dapat dibahagi dalam dua kelompok, iaitu: *Pertama*, *'āmil* yang bertugas sebagai Gabenor atau pemerintah wilayah dan pada masa yang sama bertanggungjawab melakukan pungutan zakat. *Kedua*, *'āmil* yang hanya bertugas untuk mengumpulkan zakat dan mengagihkannya. Nabi melantik wali untuk setiap daerah ini dengan tugasnya iaitu untuk melaksanakan hukum, mengukuhkan undang-undang, dan mempersiapkan aturan-aturan khusus yang berkenaan dengan peradilan, bahawa zakat sebenarnya bukan urusan peribadi yang boleh diuruskan sendiri secara individu oleh umat Islam. Sebaliknya ia juga adalah sebahagian daripada sistem sosial yang perlu diuruskan

⁹⁴ *Ibid.*, h. 675. Baca juga Ibnu Zanjawayh (1986), *al-Amwāl*, ed. Shakir Dhib Fayyad, 3 vols. Riyāḍ: King Faisal Center for Research and Islamic Studies, h. 1147.

⁹⁵ Abū 'Ubayd al-Qāsim bin Salām (1986), *Op.cit.*, h. 676. Ibn Zanjawayh (1986), *op.cit.*, h. 1154.

⁹⁶ Adiwarmān A. Karim (2001), *Ekonomi Islam Suatu Kajian Kontemporer*, Jakarta: Gema Insani Press, h.59.

⁹⁷ Azhari Akmal Tarigan (2006), *op.cit.*, h. 220.

⁹⁸ *Ibid.*, h. 218.

⁹⁹ Al-Tābari (t.t.), *op.cit.*, h. 541.

oleh pemerintah. Hal ini sebenarnya juga telah di ikuti oleh khulafaurrasyidin dalam mengelola zakat.

3.2. Saran

Untuk mengembalikan potensi zakat sesuai dengan kedudukannya yang sangat banyak manfaatnya bagi umat Islam, maka sistem pengelolaan zakat dapat dijalankan kembali sebagaimana petunjuk Rasulullah saw dan Khulafaurrasyidin.